



کمنترین کبودایان بلیا

دان سوکن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

جانغ  
CANANG

Mac 2023



## PETIKAN TITAH



Alhamdulillah, kita di negara ini mempunyai peluang amat luas untuk merebut fadhilat Ramadhan. Dengan keadaan negara aman dan ekonomi mantap, akan membolehkan kita untuk menghayati Ramadhan dengan lebih selesa.

Ini adalah kurnia istimewa kepada kita dan negara, berbanding di setengah-setengah tempat di dunia, mereka bergelut dengan pelbagai musibah, seperti peperangan, gempa bumi, banjir besar yang menjejaskan harta benda dan nyawa.

Bayangkan bagaimana umat Islam berpuasa sambil menghadapi kemelut peperangan, musibah gempa dan banjir besar. Kita, Cuma mampu membayangkannya sahaja sambil bersimpati dan berdo'a untuk mereka.

Berbalik lagi kepada keadaan negara kita. Jutaan syukur kita rafa'kan kepada Allah *Subhanahu Wata'ala*, kerana ancaman koronavirus telahpun semakin menipis dan sekatan juga dilonggarkan.

Ini juga adalah satu rahmat yang membolehkan kita dapat memeriahkan masjid dengan sembahyang-sembahyang fardhu, bertadarus Al-Quran dan sembahyang sunat tarawih tanpa sekatan.

Seyogianya rahmat ini janganlah diabaikan untuk kita dapat meraih lebih banyak pahala. Pahala adalah rezeki hebat untuk kita jawat di akhirat nanti.

Marilah kita sama-sama berharap, semoga rahmat Allah ini akan berpanjangan hendaknya untuk kita dapat menunaikan kewajipan berpuasa sebulan penuh dalam keadaan sihat 'afiat dan sejahtera.

### TITAH

#### KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SEMPENA MENYAMBUT TAHUN BARU MASIHI 2023





## **SIDANG EDITORIAL CANANG**

### **Penasihat:**

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hassan bin Pengiran Haji Ali Hassan  
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

### **Pengerusi:**

Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus  
Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

### **Pengarang/Sumber Berita:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Jabatan Penerangan

### **Susun Atur dan Penyelaras**

Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

### **Penyunting**

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha  
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Pruf dan Penyemakan:**

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd bin Haji Abd Wahab  
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Fotografi:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat

### **Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:**

Jabatan Penerangan

## MAJLIS PENYERAHAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN GEMPA BUMI REPUBLIK TURKIYE DAN REPUBLIK ARAB



**Bandar Seri Begawan, Rabu, 8 Syaaban 1444 / 1 Mac 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima sumbangan bagi Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria daripada Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur berjumlah Dua Puluh Empat Ribu Tiga Ratus Sembilan Puluh Enam Ringgit dan Enam Puluh Empat sen (\$24,396.64). Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir menerima sumbangan tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sumbangan bagi pihak Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur telah disampaikan oleh Yang Mulia Bilal Buttar, Pengetua Eksekutif Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur dan Yang Mulia Eliza Zahra binti Hj Md Nizam, Yang Mulia Aesha Ahmad Mostafa dan Yang Mulia Ulfat Doha Mohammad Mahmudul Kabir, wakil penuntut-penuntut Tahun 5 & 6, Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Yang Mulia Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman, Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat. Sumbangan derma yang dikumpulkan ini adalah hasil kutipan daripada penuntut-penuntut sekolah berkenaan pada 10-15 Februari 2023 dalam sama-sama membantu mangsa bencana di samping memupuk nilai teras sekolah berkenaan "*Service To Allah, To Each Other And To All Who We Cross Paths*" di kalangan penuntut-penuntut.

Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria telah dibukakan kepada orang ramai selama 3 bulan bermula 14 Februari 2023 hingga 14 Mei 2023. Tabung ini merupakan sebuah platform yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan telus, serta bagi membolehkan pelbagai pihak untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti amal dan berkebajikan bagi meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh rakyat Republik Turkiye dan Republik Arab Syria yang dilanda bencana alam gempa bumi pada 06 Februari 2023 lalu.

## MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA KEJADIAN BENCANA



**Berakas, Khamis, 9 Syaaban 1444 / 2 Mac 2023**— Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat telah mengadakan majlis penyerahan bantuan kewangan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat kepada 55 orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, kebakaran rumah dan rumah roboh. Majlis berlangsung di Dewan Digadong, bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan .

Hadir menyampaikan bantuan kewangan tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada lima puluh satu (51) orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, seorang (1) ketua keluarga terlibat dalam kejadian kebakaran dan tiga orang (3) ketua keluarga terlibat dalam kejadian rumah roboh.

Sebuah rumah milik N. Naryana Samy Dhanalakshimidi Jalan Keruak, Kampung RPN Panaga, Seria, Daerah Belait telah mengalami kerosakan di sebahagian sudut rumah dalam kejadian kebakaran yang berlaku pada 8 Januari 2023. Kesemua penghuni dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Sepanjang bulan Oktober hingga Disember 2022, lima puluh satu (51) buah rumah telah dimasuki air yang melebihi paras satu kaki akibat dari kejadian banjir. Sebanyak tiga puluh empat (34) buah rumah di daerah Brunei Muara telah terjejas iaitu di kawasan Kampong Kapok, Kampong Kilanas, Kampong Junjongan, Kampong Mulaut, Kampong Burong Lepas, Jalan Haji Halus, Perpindahan Bunut dan Kampong Bunut. Manakala di daerah Tutong sebanyak empat belas buah (14) rumah terjejas iaitu di kawasan Kampong Rambai, Kampong Belunu Layong, Kampong Dong Layong, Jalan Tanjong Dengar, Kampong Pengkalan Dong Layong dan Kampong Kuala Abang, Layong. Bagi Daerah Belait pula sebanyak tiga (3) buah rumah iaitu di kawasan Kampong Ratan, Labi 1, Ulu Belait dan Kampong Tunggulian, Sungai Liang. Kesemua penghuni dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Manakala tiga mangsa kejadian rumah roboh yang berlaku pada 6 Februari dan 10 Februari 2023 di Kampung Sungai Asam, di Kampong Burong Pingai Ayer dan Kampong Setia A di Daerah Brunei dan Muara juga dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Kesemua mangsa-mangsa bencana menerima bantuan kewangan kerajaan hari ini untuk meringankan kesusahan yang dialami demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

# WIRA FAJAR PROGRAM BELIA SEMBAHYANG FARDU SUBUH BERJEMAAH

**Temburong, Jumaat 10 Syaaban 1444 / 3 Mac 2023—** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah mengadakan Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah di masjid ini merupakan salah satu acara di dalam Program Semarak Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Mulia Awang Muhammad Nursyazwi Zawawi bin Shahri dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan disemarakkan dengan bacaan Surah Al-Kahfi dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Yang Mulia Awang Muhammad Noor Syahmi bin Mazne dari KUPU SB dan diakhiri dengan Sembahyang Sunat Dhuha.

Program ini juga diserikan dengan tazkirah subuh yang bertajuk 'Menjayakan Wawasan Negara' yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Hazimin bin Haji Metali, Pegawai Perkembangan Ugama, Ketua Unit Da'wah Daerah Temburong.

Turut hadir Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Awang Haji Mohd. Serudin, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim, Pegawai Daerah Temburong serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, pegawai-pegawai kerajaan yang lain, persatuan dan pergerakan belia, belia-belia masjid, penduduk sekitar pekan bangar dan pelatih-pelatih Program Khidmat Bakti Negara ke-11.



## MALAM MUNAJAT KE-77 ANJURAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA DAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



**Bandar Seri Begawan, Sabtu, 11 Syaaban 1444/4 Mac 2023** – Malam Munajat bergema lagi anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-77 dan Mensyukuri Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mengundang para tetamu khas terdiri daripada belia Da'ie, Pusat Da'wah Islamiah; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir dari Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos; Masjid Kampung Keriam; dan Masjid Kampung Masin; serta guru-guru ugama di bawah Jabatan Pengajian Islam dan Peratuan Melayu Keriam (PESAKA).



Tetamu khas bagi memulakan acara berkenaan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dari Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Menyertai Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Seterusnya, bacaan Surah Yasin beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Norzlan bin Haji Sapar, Ketua Guru Ugama, Sekolah Rendah Tanjung Kindana bersama guru-guru ugama dari Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkihah, Serusop.

Diikuti dengan bacaan Doa Munajat dibawakan oleh , Yang Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, dari Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos.

Sementara, tazkirah bertajuk 'Mensyukuri Nikmat Hari Kebangsaan' disampaikan oleh Yang Mulia Awang Muhammad Fuad bin Matahir, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama selaku Pengerusi Belia Da'ie, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dari Mushalla Al-Ameen, Pusat Da'wah Islamiah.

Turut hadir di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Setiausaha-Setiausaha Tetap, pegawai serta kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN SEMPENA HARI WANITA ANTARABANGSA 2023



Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam sekali lagi dapat meraikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa (*International Women's Day*, IWD) pada hari Rabu, 8 Mac 2023, dengan tema tahun ini: "Innovasi Digital dan Teknologi untuk Semua".

Tema ini juga diselaraskan dengan tema keutamaan untuk Sesi *Commission on the Status of Women* ke-67 (CSW-67) yang pada masa ini sedang berlangsung di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, iaitu "Inovasi dan perubahan teknologi, dan pendidikan dalam era digital untuk pemerkasaan semua wanita dan perempuan".

*The United Nations Observance of IWD* mengiktiraf dan meraikan wanita dan kanak-kanak perempuan yang memperjuangkan kemajuan teknologi transformatif dan pendidikan digital. Sambutan pada tahun ini menekankan kepentingan melindungi hak wanita dan kanak-kanak perempuan dalam ruang digital dan menangani keganasan dalam talian dan teknologi infokomunikasi (ICT).

Dengan ini, penglibatan kaum wanita dan kanak-kanak perempuan dalam teknologi boleh menghasilkan penyelesaian yang lebih kreatif dan meningkatkan potensi inovasi untuk memenuhi keperluan dan pembangunan mereka, serta meningkatkan kesedaran berkenaan dengan hak dan penglibatan sivik mereka. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga menambah bahawa kemajuan dalam teknologi digital boleh menyokong usaha menangani cabaran pembangunan dan kemanusiaan serta mencapai 2030 Agenda Sustainable Development Goals. Oleh itu, teknologi yang inklusif dan transformatif serta pendidikan digital adalah penting untuk masa depan yang mampan.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam terus komited terhadap mencapai Wawasan 2035 iaitu ke arah rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kualiti kehidupan yang tinggi; dan ekonomi yang dinamik dan berdayatahan. Antara pencapaian wanita negara dalam sektor digital ialah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dalam syarikat-syarikat telekomunikasi 2 dan Pengerusi dalam Badan Persekutuan Infokomunikasi; penerima anugerah-anugerah ICT di peringkat ASEAN dan Asia Pasifik; serta pemenang dalam kategori Sains, Teknologi dan Digital bagi Anugerah Wanita Masa Hadapan (WOF).

Negara Brunei Darussalam juga memberikan akses dan peluang yang sama rata kepada lelaki dan wanita dalam menggunakan teknologi sama ada dari segi pendidikan, kesihatan, sosial, ekonomi dan inovasi. Beberapa kaedah inovasi, sokongan teknologi dan pendidikan dalam era digital ini telah membuktikan mampu memperkasa masyarakat termasuklah wanita dan kanak-kanak perempuan. Antara inisiatif berkenaan ialah Sistem Kebajikan Negara (SKN); aplikasi mudah alih seperti Bruhealth, Mengalinga dan portal Daftar Kanak-Kanak dan Orang Muda yang memerlukan perlindungan (Registry for Children and Young Person in Need of Protection; RCYPNP). Di samping itu, agensi-agensi berkepentingan juga telah melaksanakan beberapa program peningkatan kapasiti dalam bidang ICT, antaranya:

- Bersempena dengan Girls in ICT Day, AITI telah mengadakan webinar dalam talian mengenai Perlindungan Data Peribadi dengan tema "Secure Your Digital Identity" pada 28 April 2022 yang dihadiri oleh wanita dan kanak-kanak perempuan dari semua peringkat umur, dan dikendalikan oleh penceramah wanita tempatan.
- AITI juga telah giat menjalankan Latihan Kemahiran Digital untuk Warga Emas yang mula diperkenalkan pada Oktober 2019 dengan penglibatan aktif warga emas termasuk wanita dari semua daerah. Ini dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan swasta dengan pembentangan dan demonstrasi amali oleh jurulatih dan fasilitator dari Jabatan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan; IT Protective Security Services Sdn Bhd (ITPSS), serta wakil daripada syarikat e-dagang tempatan. Program ini turut merangkumi pelbagai topik termasuk kemahiran asas ICT, keselamatan dalam talian, pengenalan dan peluang dalam e-dagang, aplikasi mudah alih yang berguna, membeli-belah dalam talian serta petua keselamatan siber. Berkesinambungan dengan ini, dua sesi Digital for All bagi peserta lelaki dan wanita di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan warga emas di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) telah diadakan pada 8 hingga 9 November dan 1 Disember 2022. Digital for All adalah inisiatif AITI untuk mendidik masyarakat tentang literasi digital dan kemahiran asas ICT. Sesi tersebut meliputi e-Commerce, pemasaran digital dan keselamatan siber yang telah difasilitasi oleh Tech One Global.

## PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN SEMPENA HARI WANITA ANTARABANGSA 2023

Berdasarkan Penyelidikan Mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam yang telah dilaksanakan terhadap responden wanita berumur 15 tahun ke atas di seluruh negara, penglibatan kaum wanita dalam bidang digital dan untuk menceburi bidang kejuruteraan dan ICT masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan. Di samping itu, 17% daripada wanita tanpa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) atau pendidikan tinggi mempunyai kemahiran asas komputer. Oleh itu, sokongan bagi kaum wanita untuk lebih cemerlang dan menguasai kemahiran ICT adalah digalakkan.

Penyelidikan Mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam ini dilaksanakan bagi mengenalpasti peluang dan cabaran yang dihadapi wanita di negara ini agar memastikan mereka dapat mengesampingkan tahap pembangunan yang saksama. Ini dihasratkan untuk dijadikan asas bagi menyediakan Pelan Tindakan Wanita di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial, yang lebih terarah dan berimpak tinggi yang akan menyumbang ke arah pengenalpastian dasardasar Kerajaan dan inisiatif-inisiatif senegara yang perlu diwujudkan ataupun diperbaiki bagi pembangunan dan pemerkasaan wanita di negara ini.

Menurut statistik terkini, golongan wanita merangkumi lebih 47% jumlah penduduk di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, wanita di negara ini mempunyai peranan dan sumbangan yang sangat penting dalam pembangunan sosio-ekonomi dan pemeliharaan keamanan dan keselamatan. Wanita telah sama-sama berganding bahu bagi mencapai kemajuan ekonomi, kesejahteraan keluarga, sosial dan kemakmuran Negara.

Sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa kali ke-10 pada tahun ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah merancang untuk bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, swasta, badan bukan Kerajaan dan women advocates, di antaranya Womentechmakers. Antara objektif sambutan pada tahun ini adalah untuk memberikan platform kepada orang ramai untuk berkongsi mengenai kejayaan wanita, kesedaran dan isu-isu yang berkaitan dengan wanita dalam kalangan masyarakat.

Akhir kata, diucapkan: Selamat Hari Wanita Antarabangsa kepada seluruh kaum wanita di Negara Brunei Darussalam. Didoakan semoga terus maju jaya dalam perpaduan dan membangun masyarakat dan ekonomi demi Raja, Negara, Bangsa dan Ugamma.





## MAJLIS KESYUKURAN (KHAS WANITA) SEMPENA HARI WANITA ANTARABANGSA



**Bandar Seri Begawan, Selasa, 14 Syaaban 1444/ 7 Mac 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat telah mengadakan Majlis Kesyukuran (Khas Wanita) sempena Hari Wanita Antarabangsa di Dewan DiGadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang disertai hampir 200 orang.

Hadir selaku Tetamu Kehormat majlis ialah Yang Mulia Datin Hajah Dayang Binanun binti Haji Bungsu, Isteri kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir ialah Setiausaha Tetap - Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-Pegawai kanan, ahli-ahli persatuan, rakan-rakan strategik KKBS serta mahasiswi dari pusat-pusat pengajian tinggi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai. Manakala bacaan Doa Allah Peliharaan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Yang Mulia Dayang Norkamaliah binti Haji Mokti, Guru Ugama Terlatih, Pusat Pembangunan Belia.

Majlis diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Wanita Mithali dan Berinovasi Membangun Ummah' yang disampaikan oleh Yang Mulia Dr Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman, Pensyarah UNISSA. Antara intipati tazkirah ialah definisi wanita Mithali sebagai teladan dan inovasi ke arah perubahan yang positif. Ditekankan juga, di era digital ini wanita hendaklah bijak dalam penggunaan media sosial sebagai platform untuk menyebarkan ibadah namun masih menjaga batas selaku wanita Mithali.

Majlis turut diimarahkan dengan persembahan Tausyeh dan bacaan Sayyidul Istighfar oleh Kumpulan Firqah An Naylaa serta bacaan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2023 dan Doa Selamat Terhindar dari Wabak COVID-19 oleh Yang Mulia Dayang Norkamaliah binti Haji Mokti.

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa (International Women's Day; IWD) disambut pada setiap 8 Mac. Tahun ini merupakan kali ke-10 Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Wanita Antarabangsa, dan tema pada tahun ini adalah "Innovasi Digital dan Teknologi untuk Semua".

Sebagai usaha untuk menyokong dan memeriahkan lagi sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2023, dengan kerjasama Kementerian Pembangunan, Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS) akan dinyalakan dengan lampu berwarna Ungu. Penyalaan lampu Jambatan SHOAS akan bermula pada malam ini, Selasa, 7 Mac 2023 pukul 7.00 malam dan akan berakhir pada hari Rabu, 8 Mac 2023 pukul 12.00 malam.



## MAJLIS KHATAM AL-QURAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA PENGAMBILAN KE-11



**Batu Apoi, Temburong, Ahad, 19 Syaaban 1444 / 12 Mac 2023** – Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran Program Khidmat Bakti Negara [PKBN] Pengambilan Ke-11 bagi tahun 1444H/2023M yang dilangsungkan di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Batu Apoi Temburong. Seramai 504 orang Pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-11 (375 orang lelaki dan 129 orang perempuan) ikut serta tidak termasuk 35 orang yang bukan beragama Islam.

Hadir sebagai Tetamu Kehormat di majlis tersebut adalah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Mejar (Bersara) Haji Mohammad bin Dollah, Pemangku Pengarah Khidmat Bakti Negara selaku Pengerusi Majlis. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Yang Berhormat Awang Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Pengiran Mohd Ameer Muबारak bin Pengiran Haji Hashim, Pegawai Daerah Temburong dan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Majlis tersebut adalah dihasratkan sebagai landasan bagi para Pelatih Program Khidmat Bakti Negara untuk mengerjakan serta memantapkan pelbagai amal ibadah dan sekaligus mengukuhkan ciri-ciri kerohanian, keimanan dan ketakwaan mereka yang telah ditanamkan sepanjang jangkawaktu mengikuti latihan Program Khidmat Bakti Negara.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Tetamu Kehormat dan seterusnya diikuti dengan bacaan-bacaan Khatam Al-Quran Beramai dan Takhtim yang diketuai oleh Pelatih 13378 Yang Mulia Awang Mohammad Zuhakim Bin Omarali dari Platoon 5 dan bacaan Doa Khatam diketuai oleh Pelatih 13473 Yang Mulia Awang Saifullah Bin Shamsul dari Platoon 4. Manakala, Dikir Marhaban yang diketuai oleh Penolong-Penolong Pegawai Keagamaan dan Kerohanian Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan diakhiri dengan bacaan Doa Penutup yang disempurnakan oleh Pelatih 13629 Yang Mulia Awang Ahmad Syahmi Bin Haji Mohamad Rozaini dari Platoon 11. Seterusnya adalah sesi Penyampaian Sijil kepada para Pelatih PKBN yang disampaikan oleh Tetamu Kehormat bagi Pelatih Lelaki dan Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) bagi Pelatih Perempuan, selepas itu dialu-alukan kesemua para jemputan menikmati jamuan dan diakhiri dengan sesi Bergambar Ramai bersama Tetamu Kehormat. Kesimpulannya, majlis tersebut telah berjaya memenuhi segala tujuan yang telah dihasratkan khususnya mewujudkan para Pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan belia yang Syumul dan cemerlang kearah mendukung konsep 'Melayu Islam Beraja' dan 'Negara Zikir'.



## MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA KEJADIAN BENCANA

**Bandar Seri Begawan, Isnin, 20 Syaaban 1444/13 Mac 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah mengadakan majlis penyerahan bantuan kewangan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan JAPEM kepada **dua orang (2)** ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian tanah susur dan rumah roboh.

Majlis berlangsung di Bilik Kunjungan, bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan disampaikan oleh Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada ketua-ketua keluarga berkenaan.

Pada 21 Ogos 2022, sebuah rumah di Kampung Sungai Lalit, Lumut, Daerah Belait yang dimiliki oleh Yang Mulia Dayang Noor Rafiah binti Zainal tidak selamat didiami akibat kejadian tanah susur.

Dalam kejadian yang berasingan pula, sebuah rumah di Kampong Yang Mulia Pengiran Tajuddin Hitam, Daerah Brunei Muara telah dilanda bencana rumah roboh yang berlaku pada 25 Februari 2023. Rumah tersebut dimiliki oleh Yang Mulia Dayang Abdul Ghafor bin Abdul Rahman telah roboh sepenuhnya, namun tiada sebarang kecederaan berlaku semasa kejadian.

Mangsa-mangsa bencana telah diberikan bantuan kewangan untuk membantu meringankan kesusahan yang dialami bagi meneruskan kehidupan seharian. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.



## MAJLIS PELANCARAN SMS BRUNEI PRIHATIN UNTUK TABUNG ANAK-ANAK YATIM 1444/2023



**Bandar Seri Begawan, Jumaat, 24 Syaaban 1444/17 Mac 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB), Datastream Digital Sendirian Berhad (DST), Progresif Sendirian Berhad dan Imagine Sendirian Berhad telah melancarkan SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-Anak Yatim 1444/2023 hari ini bertempat di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis pelancaran itu disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kutipan derma melalui SMS yang dilancarkan pada hari ini akan berlangsung selama 3 bulan bermula **17 Mac 2023** dan berakhir pada **17 Jun 2023**. Oleh yang demikian, orang ramai bolehlah menderma melalui perkhidmatan SMS yang disediakan dengan menaip YATIM (tanpa jarak) dan diikuti dengan jumlah yang hendak didermakan iaitu, 1, 5, 10, 15, 20, 50 atau 100.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyerahan derma hasil kutipan SMS Brunei Prihatin yang dikumpulkan pada tahun 1443/2022 daripada syarikat-syarikat telekomunikasi kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Jumlah kutipan SMS Brunei Prihatin bagi Tabung Anak-Anak Yatim 1443/2022 berjaya mengumpul sebanyak **BND226,058.00 (Ringgit: Dua Ratus Dua Puluh Enam Ribu Lima Puluh Lapan)**. Daripada jumlah tersebut:



- Sebanyak **BND205,518.00 (Ringgit: Dua Ratus Lima Ribu Lima Ratus Lapan Belas)** adalah sumbangan daripada DST Sdn Bhd
- Hasil kutipan SMS daripada pelanggan Progresif Sdn Bhd berjumlah **BND20,000.00 (Ringgit: Dua Puluh Ribu)**
- Imagine Sdn Bhd pula berjaya mengumpul sebanyak **BND540.00 (Ringgit: Lima Ratus Empat Puluh)**



SMS Brunei Prihatin merupakan projek tahunan yang diungkuhkan bersama oleh JAPEM, RTB dan Syarikat Telekomunikasi sejak tahun 2005 bagi membuka platform untuk memudahkan orang ramai menyalurkan sumbangan kepada anak-anak yatim yang berdaftar di bawah Pendaftaran Kebangsaan Anak-Anak Yatim. Sejak platform ini dibukakan, sambutan daripada orang ramai adalah sangat menggalakkan. Semua jumlah kutipan yang diterima akan disumbangkan sepenuhnya kepada Tabung Anak-Anak Yatim di bawah kendalian JAPEM.

## MAJLIS KHATAM AL-QURAN 39 KALI SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-39, TAHUN 2023



**Bandar Seri Begawan, Sabtu, 25 Syaaban 1444/18 Mac 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran 39 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 secara serentak di keempat-empat daerah.

Majlis ini telah melibatkan lebih 1,200 orang peserta di keempat-empat daerah yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi, penuntut-penuntut Institusi Pendidikan Teknik Brunei, penuntut-penuntut sekolah menengah, sekolah agama, ahli-ahli persatuan belia dan sukan serta pergerakan-pergerakan belia, Pelatih Pusat Pembangunan Belia, peserta Program Belia Cinta Tanah Air, sukarelawan-sukarelawan, belia-belia masjid, qari dan qariah. Bagi Daerah Brunei dan Muara, majlis tersebut diadakan di Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut.



Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Di Daerah Tutong, majlis telah diadakan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.



Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran mulai dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang diketuai oleh Yang Mulia Awang Muhammad Walid Wathiq bin Awang Kharol Azmi, penuntut Pusat Tingkatan Enam Tutong dan Yang Mulia Awang Muhammad Darwishy Afiq bin Jailani, Belia Impak Tutong. Acara diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Selamatkan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Mulia Imam Abdul Raqib bin Haji Awang, Imam Tingkat III, Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan seterusnya solat fardhu Zohor berjemaah.



Sementara di Daerah Temburong, majlis telah diadakan di Masjid RPN Kampung Rataie. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran mulai dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang diketuai oleh Yang Mulia Awang Muhammad Nur Aziimin bin Shahminan dari Belia Permata Hijau. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Selamatkan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Mulia Awang Haji

Manakala di Daerah Belait pula, majlis telah diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis ini diadakan adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama dengan pembacaan Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.



## SEKOLAH MENENGAH SULTAN HASSAN JOHAN PERTANDINGAN E-PEMBENTANGAN SUKAN

**Bandar Seri Begawan, Isnin, 27 Syaaban 1444/20 Mac 2023** –Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong diumumkan sebagai johan Pertandingan E-Pembentangan Sukan Sekolah-sekolah Menengah Negara Brunei Darussalam Tahun 2022 setelah menewaskan lapan buah kumpulan lain pada Majlis Penyampaian Hadiah yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Pemenang pertama yang terdiri daripada Yang Mulia Dayang Nur Izz Farahiyah Hasna' binti Jeludin, Yang Mulia Awang Lim Wen Long @William, Yang Mulia Dayang Syifaa Wajihah binti Abdul Aziz serta Yang Mulia Dayang Rozaitul Azlin binti Matzani selaku guru pengawas berjaya membawa pulang wang tunai BND1,000 berserta piala iringan dan pingat emas.

Manakala, pasukan dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah memuduki tempat kedua dengan membawa pulang wang tunai BND800 berserta piala iringan dan pingat perak.

Sementara di tempat ketiga pula dari pasukan Sekolah Menengah Menglait dengan memenangi wang tunai BND500 bersama piala iringan dan juga pingat gangsa.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Yang Mulia Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Terdahulu, Ketua Bahagian Jasmani dan Rekreasi di Jabatan Pendidikan Kokurikulum semasa menyampaikan teks ucapan alu-aluan Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum antara lain menyatakan pertandingan berkenaan merupakan julung-julung kali dianjurkan oleh Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Jawatankuasa *Anti-Doping* Brunei Darussalam (BDADC), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mensasarkan penyertaannya kepada para pelajar sekolah menengah dan maktab serta Pusat Tingkatan Enam di Negara Brunei Darussalam.



Menurutnya lagi, dengan bertemakan 'Impak *Doping* Dalam Sukan', pertandingan berkenaan bertujuan sebagai landasan untuk para pelajar mengaplikasikan pengetahuan yang mereka perolehi di dalam kurikulum sekolah untuk diintegrasikan kepada aktiviti kokurikulum; meningkatkan keberkesanan dan kesediaan pelajar dalam mengintegrasikan serta mengadaptasikan *Industrial Revolution* (IR) 4.0 di dalam bidang komunikasi atau penyampaian maklumat: menyediakan sumber rujukan pembarigaan maklumat khususnya berkenaan '*anti-doping*' secara digital; mengintegrasikan *6Cs of the 21st Century Skills* (*communication, collaboration, critical thinking, creativity, citizenship, and character*) melalui aktiviti kokurikulum.

**MAJLIS PENYAMPAIAN KURMA KURNIA PERIBADI  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN**



**Bandar Seri Begawan, Isnin, 27 Syaaban 1444/20 Mac 2023** – Penyampaian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Bulan Ramadan 1444/2023 kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah diadakan pada hari ini di Dewan Citra Budaya, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Hadir bagi menyempurnakan majlis, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis.



Bagi memberkati majlis, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diketuai oleh Yang Mulia Awang Haji Nuurmatiin bin Haji Abu Bakar, Guru Ugama Tingkat II, Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Majlis diteruskan dengan penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebanyak 6634 kotak kecil kurma diagihkan kepada pegawai dan kakitangan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya termasuk untuk Ahli-Ahli keluarga masing-masing.



Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa Memohon Perlindungan dari Wabak COVID-19 oleh Yang Mulia Awang Haji Nuurmatiin bin Haji Abu Bakar, Guru Ugama Tingkat II, Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Turut hadir Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Bahagian serta Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

# MUKADIMAH MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA KALI KE-19

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyrafil Anbiyaie Wal- Mursalin Saidina  
Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera



Dengan penuh hormat dan takzim sukacita kaola merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Pengerusi di atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Kita amat bersyukur Tema Tahun Kewangan 2023/2024 '**Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur**' amat bertepatan dengan usaha berterusan KKBS dengan kerjasama senegara dalam mencapai matlamat **Bangsa Brunei Cemerlang ke arah Wawasan Brunei 2035**. Apa yang penting ialah, **usaha ke arah memperkasa, mengelinga dan memedulikan kesejahteraan rakyat memerlukan kerjasama sepadu semua peringkat dan lapisan masyarakat.**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penyediaan anggaran perbelanjaan Tahun Kewangan 2023/2024 berjumlah **Lapan Puluh Tiga Juta, Lapan Ratus Tiga Belas Ribu dan Dua Puluh Ringgit (BND\$83,813,020.00)**.

Seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara 2023, iaitu menggunakan persidangan dengan sebaiknya untuk membentangkan isu-isu utama yang strategik dan penting bagi sama-sama memberikan buah fikiran dan mencari jalan penyelesaian yang berpatutan, maka berlandaskan hala tuju ini, izinkan kaola menghuraikan 4 Fokus Strategi sebagai pelengkap kepada usaha meneruskan pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian bagi tahun kewangan 2023/2024 dan usaha Pengupayaan, Pemerksaan dan Penglibatan (3P) melalui:

## **STRATEGI PERTAMA: DALAM BIDANG KEMASYARAKATAN, KITA TERUS MENGEMBANG MAJU MASYARAKAT PROGRESIF KE ARAH MASYARAKAT CEMERLANG, BERSATU-PADU, RESILIENT DAN PEMEDULIAN.**

Sejumlah **\$23.75 Juta** diperuntukkan bagi program mengembang majukan Masyarakat Progresif termasuk penambahbaikan prasarana dan kemudahan, yang merangkumi **\$15.8 Juta** bagi Perkhidmatan Bantuan Am dan Memperkasa Penerima Bantuan Kebajikan; **\$1.5 Juta** bagi Perkhidmatan Orang Kelainan Upaya; dan **\$3.4 Juta** bagi Pengukuhan Institusi Keluarga. Antara usaha-usaha di bawah strategi ini ialah:

1. Pertama, setelah hampir 3 tahun pelaksanaan sejak ianya mula dilancarkan pada **15 Julai 2020**, Alhamdulillah, Sistem Kebajikan Negara (SKN) kini telah menerapkan bantuan-bantuan daripada pihak Majlis Ugama Islam (MUIB), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan yang terkini adalah **Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan (BKPT)**.

Pencantuman atau pengintegrasian pemberian bantuan-bantuan ke dalam sistem ini telah menjana sebuah pangkalan data yang digandingkan dengan penganalisan Artificial Intelligence dengan penggunaan sebuah program Power Business Intelligence (Power BI) sebagai nilai tambah kepada penubuhan sistem ini. Ciri AI yang dibina ke dalam sistem ini setentunya akan mengoptimalkan penggunaan sistem dan juga meluaskan skop penganalisan dari segi geo lokasi dan hubungannya dengan sosio ekonomi para pemohon dan penerima SKN.

2. Kedua, Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan yang menggariskan strategi dan inisiatif bertujuan untuk meningkatkan kedayatahan dan ekonomi golongan sasaran yang mandiri untuk keluar daripada kitaran kemiskinan dan mengurangkan ketergantungan kepada Kerajaan dan juga pengemaskinian Garis Panduan Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) untuk memastikan program intervensi yang lebih berkesan, pemedulian dan memenuhi keperluan.





3. Ketiga, **Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang telah dikaji semula pada tahun 2021** menggariskan pembangunan ekosistem OKU yang akan menyumbang kepada peningkatan kualiti kehidupan OKU, memberikan kesaksamaan Hak Orang Kelainan Upaya dan memperkasa Orang Kelainan Upaya dan ahli keluarga mereka secara inklusif. Pelan Tindakan ini dirancang akan dibukukan pada tahun ini bagi rujukan pihak yang berkepentingan.



4. Keempat, **Pelan Tindakan Warga Emas Insyallah juga akan dibukukan pada tahun ini** secara bersepadu dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dalam memberi keutamaan kepada tadbir urus, pembangunan, pemerkasaan, kesihatan, kesejahteraan dan sistem sokongan mesra warga emas ke arah Warga Emas yang Berjaya (*Towards Successful Ageing*).

Salah satu inisiatif dalam memeduli dan memberikan sokongan kepada warga emas, kita terus melaksanakan Program Memeduli Warga Emas secara senegara (Whole of Nation) dengan agensi-agensinya kerajaan; pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan; dan para sukarelawan demi menitikberatkan jaminan kebajikan dan kesejahteraan, di samping meningkatkan kesedaran terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan warga emas.

5. Kelima, di bawah Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-Kanak, sistem perlindungan kanak-kanak sentiasa dimantapkan demi memenuhi cabaran semasa sejak pelancaran Rangka Kerja Perlindungan Kanak-Kanak atau National Framework on Child Protection (NFCP) pada tahun 2020. Di samping itu, daftar Registry of Children and Young Persons In Need of Protection (RCYPNP) yang telah dilancarkan pada 1 April 2022 merupakan pangkalan data kebangsaan terpusat bagi pengumpulan dan penyelenggaraan rekod bagi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan serta butiran ahli keluarga berkenaan bagi memastikan intervensi yang lebih holistik. Sebagai nilai tambah kepada NFCP, penyediaan Garis Panduan Program Jagaan Keluarga Angkat (Foster Care) disasarkan pada tahun ini;

6. Keenam, pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, **Pelan Tindakan Keluarga telah dikaji semula** bagi tahun 2023 – 2027 untuk memastikan Pelan Tindakan Keluarga 2023-2027 ini diteliti secara menyeluruh dan disejajarkan dengan hala tuju dan perisian Social Blueprint Negara Brunei Darussalam. **Pengkajian semula** ini adalah juga bagi lebih memperincikan tindakan yang perlu diambil oleh agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu meningkatkan kedudukan dan kesejahteraan institusi kekeluargaan di negara ini.

7. Ketujuh, **Penyelidikan Mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam telah selesai dilaksanakan dan kini dalam proses akhir penyediaan Final Report** yang merangkumi rekomendasi-rekomendasi dasar dan inisiatif bagi menangani isu-isu utama yang menjejaskan dan menghalang pembangunan wanita di Brunei Darussalam, khususnya mengenai mata pencarian ekonomi mereka, dan keseimbangan kerjakehidupan (*Work-Life Balance*). Ini adalah penting ke arah memastikan institusi kekeluargaan yang kukuh. Antara penemuan utama penyelidikan berkenaan ialah walaupun pembangunan wanita di negara ini telah mencapai peningkatan yang ketara, masih terdapat beberapa bidang yang memerlukan penelitian dasar bagi memastikan kaum wanita negara dapat mencapai potensi penuh dan optimum. Hasil daripada penyelidikan ini akan dimasukkan di dalam Pelan Tindakan Wanita.



8. Kelapan, dari segi penyediaan prasarana kemudahan, Alhamdulillah **projek bangunan baharu Rumah Perlindungan di Belimbing, Subok telah siap** dan mula didiami sepenuhnya semenjak Disember 2022 yang pada masa ini merangkumi seramai **52 kanak-kanak dan perempuan dewasa**. Manakala, Projek Kompleks Orang Kelainan Upaya (OKU) sedang dalam fasa rekabentuk (design) sebelum dibukakan tawaran; dan

9. Kesembilan, mewujudkan **Social Blueprint** bersama Jabatan Perdana Menteri sebagai pelengkap kepada hala tuju dan pensejajaran usaha sama senegara Wawasan Brunei 2035 dalam mencapai matlamat kedua, iaitu Kualiti Kehidupan Rakyat yang Tinggi.



**STRATEGI KEDUA: DALAM BIDANG KEBELIAAN, KITA TERUS MEMFOKUS KEPADA MELAHIRKAN BELIA HARAPAN YANG BERWAWASAN SEBAGAI PENERAJU PEMBANGUNAN NEGARA.**



Sejumlah **\$10.21 Juta** diperuntukkan bagi program melahirkan Belia Harapan yang Berwawasan termasuk penambahbaikan prasarana dan kemudahan yang merangkumi **\$650 Ribu** untuk program Pemerksaan dan Pembangunan Keusahawanan Belia, dan hampir **\$3 Juta** lagi bagi Pembangunan Keupayaan Belia.

**Pelan Tindakan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2024** telah menggariskan beberapa program dan inisiatif pengupayaan serta pemerksaan senegara yang memberi tumpuan kepada mengukuhkan ekosistem Kebelitaan. Berdasarkan kepada prestasi pencapaian Pelan Tindakan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2024, 61% program dan aktiviti pada tahun kedua telah berjaya dilaksanakan. Antara usaha usaha di bawah strategi ini ialah:

1. **Pertama, Meningkatkan pembangunan keupayaan** melalui latihan kemahiran dan industri yang relevan dan **membentuk jati diri dan modal insan yang holistik** termasuk melalui usaha:
  - 1.1. Pertama, Memantapkan kualiti program Pusat Pembangunan Belia bagi meningkatkan kebolehpasaran belia dalam mendapat pekerjaan lebih bermakna, menjadi usahawan dan melanjutkan latihan kemahiran atau pelajaran. Dikongsikan, sebanyak **61%** kebolehpasaran yang dicatatkan bagi tahun 2020 hingga 2022, iaitu **261** mendapat pekerjaan, **24** berkecimpung dalam aktiviti keusahawanan dan **40** melanjutkan pelajaran
  - 1.2. Kedua, Bahagian Khidmat Bakti Negara dengan **menerapkan elemen pertahanan awam (civil defence) dalam latihan** bagi memantapkan lagi jati diri, resilien, semangat kesukarelawan dan kesiapsiagaan menghadapi bencana. Seramai **539 Pelatih** pengambilan PKBN Ke-11 telah menamatkan kursus Latihan pada 16 Mac ini. Alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa majlis tamat Latihan tersebut telah bertitah menzahirkan keyakinan dengan adanya nilai tambah kurikulum dalam Latihan PKBN, para alumni PKBN kini lebih bersedia untuk menghulurkan khidmat bakti mereka secara sukarela bagi menangani sebarang kejadian bencana alam apabila diperlukan. Di samping itu, BKBN dengan kerjasama Insitut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan MPEC melaksanakan 2 cohort Program Jati Diri dengan melibatkan hampir 300 **penuntut IBTE**; dan
  - 1.3. Ketiga, Outward Bound Brunei Darussalam bagi meningkatkan kepimpinan dan semangat berpasukan. Dikongsikan, seramai **2,500 peserta belia** mengikuti program OBBB sejak 3 tahun kebelakangan.
2. **Kedua, Mengukuhkan Ekosistem Keusahawanan Belia dalam pelbagai industri yang diterajui oleh Jawatankuasa Pandu Keusahawanan Belia** termasuk melalui penyediaan program inkubator dan platform bagi usahawan belia memulakan perniagaan dan juga penyediaan tapak tanah bagi kegunaan pertanian. Antara lainnya, melalui kerjasama dengan Entrepreneurship, Innovation, Community and Outreach (EICO) dan LiveWire Sdn. Bhd, **40 peserta belia** diberikan pendedahan dalam pengurusan perniagaan.
3. **Ketiga, Penyediaan Prasarana.** Tumpuan adalah kepada **projek penaiktarafan Pusat-pusat Belia sebagai pusat** kecemerlangan dalam melaksanakan program serta aktiviti yang menjurus kepada pemerksaan belia termasuklah kepimpinan dan pembangunan jati diri. Dikongsikan, seramai **lebih 43 Ribu pengguna** Pusat Belia di keempat-empat daerah dan **533 pengguna** asrama Pusat Belia direkodkan bagi tahun 2021 hingga 2022;
4. **Keempat, Pembangunan nilai dalam membentuk jati diri dan modal insan yang holistik.** Seramai lebih **38,000 belia** melibatkan diri dalam program kepimpinan, keagamaan, kesihatan dan pembangunan kapasiti secara menyeluruh. Pelaksanaan program ini diterajui sendiri oleh para belia dengan **peningkatan 52%** dari tahun sebelumnya; dan



5. Kelima, **Penglibatan Belia di peringkat Antarabangsa** dengan mengiktiraf sumbangan **pemimpin-pemimpin belia dalam bidang kesukarelawanan** sejajar dengan matlamat dasar bertaraf dunia dan strategi meningkatkan budaya perpaduan dalam kalangan semua masyarakat.

**STRATEGI KETIGA: DALAM BIDANG KESUKANAN, KITA TERUS MENGUKUHKAN EKOSISTEM SUKAN YANG INKLUSIF DAN CEMERLANG,** yang memfokus kepada memantapkan Sukan Berprestasi Tinggi di samping meneruskan usaha meningkatkan Sukan untuk Masyarakat.



Sejumlah **\$15.93 Juta** diperuntukkan bagi program ke arah Mengukuhkan Ekosistem Sukan yang merangkumi hampir **\$700 Ribu** bagi Pembangunan Persatuan-persatuan Sukan dan lebih **\$3 Juta** bagi Pembangunan Keupayaan Atlet, Jurulatih dan Perubatan Sukan. Ia dihasratkan untuk mewujudkan persekitaran atlet yang stabil; membangun sukan yang berpotensi untuk memenangi pingat; membangun atlet elit; prasarana bagi persediaan sukan berprestasi tinggi dan memastikan keinklusi-fan sukan untuk masyarakat. Antara usaha-usaha di bawah strategi ini ialah:

1. Pertama, Menggerakkan dan melaksanakan strategi dan pelan tindakan bagi memantapkan Sukan Berprestasi Tinggi ke arah **membangun atlet elit yang boleh meraih pingat dalam sukan berprestasi tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa,** dan mengukuhkan keinklusi-fan sukan untuk masyarakat ke arah **Negara yang sihat, sejahtera dan sepadu dengan sukan.**

Dalam hal ini, dikongsikan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk melaksanakan pemberian elaun berjumlah \$800.00 sebulan kepada atlet yang terpilih melalui Program Pembiayaan Atlet (PPA) di bawah Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan. Seramai 5 orang atlet iaitu 3 daripada sukan Wushu, dan 2 daripada sukan Pencak Silat menerima elaun ini mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023.

2. Kedua, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan dan tadbir urus organisasi sukan melalui peningkatan kapasiti pemimpin-pemimpin persatuan sukan kebangsaan, pegawai teknikal sukan, kejurulatihan dan kepakaran dalam bidang sukan; dan
3. Ketiga, Ketersediaan infrastruktur untuk mengadakan acara sukan serantau dan antarabangsa. Penaiktarafan terus dilaksanakan dengan prasarana sukan dinaik taraf dan ditambah baik mengikut piawaian antarabangsa, secara berfasa

**STRATEGI KEEMPAT: DALAM BIDANG KEBUDAYAAN, KITA TERUS MENGUKUHKAN JATI DIRI DAN IDEN-TITI BANGSA SEBAGAI TERAS PEMBANGUNAN NEGARA YANG BERPAKSIKAN MELAYU ISLAM BERAJA (MIB).**

Antara usaha meningkatkan Budaya Dinamik dan Warisan Terpelihara adalah:

Sejumlah **\$24.55 Juta** diperuntukkan bagi program Mengukuhkan Jati Diri dan Patriotisme termasuk pembinaan, penerapan dan penghayatan warisan, sejarah dan budaya serta penambahbaikan prasarana dan kemudahan, yang merangkumi **\$1.9 Juta** bagi Mengukuhkan Kegiatan Seni Budaya; **\$10.2 Juta** bagi Bahasa, Sastera dan Perpustakaan; **\$8.6 Juta** bagi Kegiatan Permuziuman termasuk Penjagaan Warisan dan Pemberigaan; dan **\$3.8 Juta** bagi Mengukuhkan Penyelidikan, Pendokumentasian dan Pemeliharaan Sejarah. Antara usaha-usaha di bawah strategi ini ialah:

1. Pertama, Mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka akan sentiasa meningkatkan kegiatan dukungan memartabatkan Bahasa Melayu menerusi pertandingan-pertandingan, penulisan-penulisan dan penerbitan-penerbitan. Setakat ini Dewan Bahasa telah mula membina platform pintar dan aplikasi digital e-kamus; menggumpul lebih dari 12,500 pantun, hampir 8,000 entri penyelidikan korpus Bahasa dan lebih dari 350 entri penggubalan istilah Bahasa Melayu. Dalam Memperkasa Budaya Membaca, Dewan Bahasa dan Pustaka giat dalam penjenamaan semula perpustakaan sebagai pusat komuniti dan hab pelbagai pembelajaran.





2. Kedua, Melancarkan perasmian Pusat Sejarah Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei pada **9 Februari 2023** yang diselajurkan dengan pelancaran Bilik Koleksi Sumber Allahyarham Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat (Dr) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri. Penubuhan sumber rujukan khas ini bertujuan untuk memberi nilai tambah dalam memperkaya dan meluaskan lagi sumber rujukan pesejarahan kesultanan Brunei, budaya dan adat istiadat negara, dan sekaligus **menjadi mercu tanda pengiktirafan Pusat Sejarah Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan.**

3. Ketiga, Meningkatkan penyelidikan, pendokumentasian dan pemeliharaan sejarah. Sejak empat tahun kebelakangan ini PSB juga telah bergiat aktif melaksanakan beberapa inisiatif melalui kerjasama dengan rakan strategik seperti **UBD, UNISSA, KUPUSB, Institusi Kerajaan Dan Swasta, Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR), Pakar-Pakar Sejarah Dan Lulusan Mahasiswa/ Institusi Pengajian Tinggi** bagi meningkatkan taraf dan kualiti penyelidikan dalam memperluas, memperkaya dan mempelbagai lagi sumber bahan pesejarahan negara untuk bacaan dan rujukan kepada institusi tinggi, pengkaji, penyelidik, agensi kerajaan, swasta dan orang ramai.
4. Keempat, Meningkatkan pemeliharaan khazanah warisan memberi ruang pembelajaran kepada masyarakat di muzium-muzium seperti Muzium Brunei, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Projek Muziumku Warisanku. Alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat merasmikan Hab Tenaga Brunei, Dermaga Diraja pada **23 Oktober 2022**. Projek penaiktarafan dan penambahbaikan bangunan tersebut adalah contoh projek restorasi dan pemuliharaan bangunan bersejarah yang digunakan semula menjadi bangunan state-of-the-art, iaitu menjadi muzium yang mempamerkan kemajuan industri minyak dan gas melalui teknologi terkini. Manakala, projek penambahbaikan dan penaiktarafan Muzium Brunei berada dalam Fasa Ketiga iaitu pengubahsuaian ruang dalaman.
5. Kelima, Meningkatkan imej dan kebolehlihatan negara di peringkat serantau dan antarabangsa melalui penganjuran kegiatan serantau dan antarabangsa.
  - 5.1 Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat Komiti ASEAN mengenai kebudayaan dan penerangan (ASEAN-COCI);
  - 5.2 Pelaksanaan projek ASEAN Walk di Taman Rekreasi Sungai Damuan yang akan melengkapkan arca dari 10 buah negara ASEAN. Negara Brunei Darussalam akan menjadi negara pertama ASEAN melengkapkan 10 arca negara-negara ASEAN;
  - 5.3 Negara Brunei Darussalam bersama dengan Malaysia, Republik Singapura, Indonesia dan Thailand akan sama-sama mengangkat pemakaian Kebaya sebagai Warisan Budaya Tak Ketara UNESCO; dan
  - 5.4 Peningkatan dalam jumlah memorandum persefahaman bersama negara sahabat dalam bidang kebudayaan, warisan, seni, sejarah dan bahasa. Penyertaan seperti ke Muscat International Book Fair merupakan salah satu contoh memanfaatkan platform Memorandum Persefahaman dalam Bidang Kebudayaan bersama dengan negaranegara sahabat.



6. Keenam, Penyediaan ruang budaya kepada masyarakat, melalui projekprojek rancangan Kemajuan Negara ke-12. Antaranya termasuk:
  - 6.1 Menjadikan Dewan Majlis Lama sebagai Perpustakaan Negara (Koleksi Nadir) dan Galeri Seni Lukis Negara;
  - 6.2 Kurikulum Akademi Seni Budaya Brunei telah siap disediakan pada awal tahun ini;
  - 6.3 Menjadikan Perpustakaan Bandar Seri Begawan menjadi Perpustakaan Komuniti, menyediakan pelbagai kemudahan bagi masyarakat dan orang awam menimba ilmu dan berkarya menerusi konsep RELAKS (iaitu membaca, hiburan, riadah, tarikan, pengetahuan dan perkongsian).

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Setentunya segala strategi dan tindakan yang telah diketengahkan tadi hanya akan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya melalui kerjasama dan sumbangan rakanrakan strategik serta pelbagai pihak melalui whole of nation. In shaa Allah, dengan kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat selaku pemimpin akar umbi, suara dan telinga rakyat, kita akan dapat memperkukuhkan lagi usaha demi mencapai matlamat bersama iaitu Bangsa Brunei Cemerlang.

Demikianlah sahaja dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian

وباهلل التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة هلا وبركاته



## PROGRAM BICARA INSPIRASI (BISAI): 'PRODUKTIVII BEKERJA KETIKA BERPUASA



Yang **Bandar Seri Begawan, Rabu, 29 Syaaban 1444/22 Mac 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan meneruskan sesi Program Bicara Inspirasi (BiSAI) Tahun 2023 bagi warga Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Program BiSAI hari ini membawakan Forum bertajuk 'Produktiviti Bekerja Ketika Berpuasa', merupakan sesi yang kelima (5) sejak ia diperkenalkan pada tahun 2022. Forum ini telah berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kementerian ini telah menjemput dua (2) ahli panel khas terdiri dari Yang Mulia Awang Haji Noor Husseini bin Haji Hussein, Pegawai Latihan, Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dan Yang Mulia Awang Ustaz Fariszal bin Ali, Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Forum ini, memfokuskan mengenai kepentingan meningkatkan produktiviti kerja ketika berpuasa di Bulan Ramadan dan bukannya alasan untuk mengurangkan produktiviti kerja. Sebaliknya inilah masa yang tepat bagi penjawat awam melatih diri untuk menambahbaik daya tumpuan dan fokus serta menggandakan mutu dan produktiviti kerja.

Program ini adalah merupakan salah satu inisiatif Pelan Tindakan Strategi Sumber Tenaga Manusia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah Program Siri Bicara Inspirasi (BiSAI), iaitu program yang diisikan dengan ceramah keagamaan dan ceramah motivasi yang dihasratkan dapat meningkatkan semangat bekerja dalam kalangan pegawai dan kakitangan. Program ini juga usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam menjadikan kementerian ini sebagai sebuah Organisasi Pembelajaran (*Learning Organisation*).

## PAMERAN SEMARAK KEBANGSAAN



**Kota Batu, Rabu, 29 Syaaban 1444/22 Mac 2023** – Muzium Teknologi Melayu. Jabatan Muzium-Muzium julung-julung kali mengadakan Pameran Semarak Kebangsaan dengan tema 'Calak KeBruneian' sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali ke-39.

Hadir untuk menyempurnakan majlis pelancaran ialah Puan Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pameran Semarak Kebangsaan 'Calak KeBruneian' bertujuan untuk menyuntik semangat patriotisme selain daripada menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan dengan mempamerkan bahan-bahan koleksi muzium.

Pameran dibahagikan kepada 3 zon iaitu :-

Zon A : Pewaris Identiti Bangsa mengetengahkan pameran busana perkahwinan 7 puak jati Brunei.

Zon B : Pencinta Negara mengetengahkan persembahan padang yang disertai beribu-ribu orang dalam sama-sama meraikan Hari Kebangsaan yang disambut setiap 23 Februari.

Zon C: Penyumbang Pembangunan Negara mempamerkan fakta-fakta menarik mengenai pembangunan di Negara Brunei Darussalam.

Pameran ini akan diadakan selama 6 bulan bermula pada 22hb Mac 2023 hingga 16hb September 2023. Terdapat pelbagai aktiviti sampingan turut disediakan untuk meningkatkan kefahaman dan mengongkikan pengalaman yang bercalakkan keBruneian.

Sepanjang bulan Ramadhan, waktu lawatan ialah setiap hari Sabtu hingga Khamis bermula jam 9:00 pagi hingga 3:00 petang dan akan kembali beroperasi seperti biasa di bulan Syawal.



## MAJLIS MEMBACA SURAH YASIN DAN BERTAHLIL



**Bandar Seri Begawan, Selasa, 6 Ramadan 1444/28 Mac 2023** – Majlis Membaca Surah Yasin dan Bertahlil khusus bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bertempat di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan.

Hadir mengetuai rombongan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Yasin dan Tahlil dipimpin oleh Yang Mulia Awang Mohd Arif bin Haji Johari, Imam Tingkat I, Masjid Al-Muhtadee Bil-lah, Kampung Sungai Kebun, Bandar Seri Begawan.

Turut hadir, Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengarah-Pengarah, pegawai serta kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya, serta rakan-rakan strategik dari Persatuan-Persatuan Belia, Persatuan Belia-Belia Masjid, Persatuan-Persatuan Sukan, Jurulatih-Jurulatih Sukan, Pusat Kegiatan Warga Emas, pihak NGO serta pihak-pihak yang berkepentingan yang lain.





# MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM PERINGKAT KEBANGSAAN 1444/2023



**Berakas, Rabu, 7 Ramadan 1444/29 Mac 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Bank Islam Brunei Darussalam telah mengadakan majlis penyampaian derma kepada anak-anak yatim peringkat kebangsaan hari ini bertempat di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian derma ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis menyaksikan penyampaian Skim Hadiah Galakan Pelajar Cemerlang BIBD kepada 14 orang anak-anak yatim yang telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam peringkat 'O' Level, Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR) dan peringkat Sijil Pelajaran Ugama Brunei pada tahun 2022. Hadiah-hadiah tersebut disampaikan oleh Yang Mulia Awang Junaidi bin Haji Masri, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD. Majlis kemudian diikuti dengan penyampaian sampul-sampul derma kepada wakil pegawai-pegawai daerah bagi anak-anak yatim di daerah masing-masing.



Seramai **3,807** orang anak-anak yatim yang berdaftar di bawah JAPEM menerima sumbangan derma pada majlis ini. Daripada jumlah tersebut, seramai:

- **2,456** orang di Daerah Brunei dan Muara;
- **594** orang di Daerah Tutong;
- **584** orang Daerah Belait dan;
- **173** orang di Daerah Temburong.



Derma yang dihulurkan merupakan sumbangan melalui gabungan Tabung Anak-Anak Yatim JAPEM, Tabung Dana Anak Yatim Daerah Brunei Muara, dan sumbangan BIBD pada tahun ini. Jumlah sumbangan yang dihulurkan melalui Tabung Anak-Anak Yatim JAPEM adalah sebanyak **BND380,700.00**. Manakala, Tabung Anak Yatim Daerah Brunei Muara menyumbangkan sejumlah **BND57,105.00** dan sumbangan BIBD berjumlah **BND190,350.00**.

# MAJLIS BERTADARUS AL-QURAN



**Berakas, Rabu, 7 Ramadan 1444/29 Mac 2023** – Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran di Masjid Kampong Pulaie, Daerah Brunei dan Muara.

Majlis ini diselenggarakan oleh Dewan Bahasan dan Pustaka dan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Pulaie, Daerah Brunei dan Muara. Rombongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya diketuai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohammad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Majlis Tadarus Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan seterusnya bacaan ayat-ayat suci Al-Quran secara bergilir-gilir serta disusuli dengan bacaan Doa menghindari "Wabak COVID-19" dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibaca oleh Yang Mulia Awang Muhd Zakaria bin Haji Mohd Salleh, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan diteruskan lagi dengan Selawat Tafrijiyyah dan Sayyidul Istighfar beramai-ramai. Majlis diteruskan lagi dengan penyerahan sumbangan wakaf dan majlis diakhiri dengan sembahyang fardu Asar berjemaah.



Turut hadir, Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Jabatan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dan para jemaah Kampong Pulaie, Daerah Brunei dan Muara.

# سلا م نصف شعبان Salam Nisfu Syaaban

Sesungguhnya Malam Nisfu Syaaban ini adalah kesempatan untuk menyuci dan memperbaiki diri dengan meminta ampun dan mohon diubah segala yang tercatat di kitab Azali ke arah positif bagi menginsafi dan mendekatkan diri kepada Allah SWT



**E-POSTER SEMPENA MENYAMBUT NISFU SYAABAN  
1444/2023**



**E-POSTER SEMPENA MENYAMBUUT BULAN RAMADAN  
1444/2023**



كمتريڤ كبوداڤان بليا دان سوكن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**Negara Brunei Darussalam**

**E-mel:** [Info@kkbs.gov.bn](mailto:Info@kkbs.gov.bn)

**Laman Sesawang:** [www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)

**Instagram:** @kkbs\_brunei

**Facebook:** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

